

19/08/1997

Pelantikan baru bukan rombakan Kabinet

KOTA KINABALU, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menjelaskan, pelantikan dua timbalan menteri dan tiga setiausaha parlimen baru, yang diumumkan Sabtu lalu bagi mengisi kekosongan, bukannya rombakan Kabinet.

Sambil menegaskan timbalan menteri bukannya anggota Kabinet tetapi sebagai penyokong kepada menteri, Perdana Menteri berkata, tidak ada rombakan Kabinet dalam waktu terdekat ini.

"Rombakan Kabinet hanya dilakukan apabila ada keperluan berbuat demikian," katanya kepada pemberita di terminal lama Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu sebelum berlepas ke Sarawak hari ini.

Dalam pelantikan baru Sabtu lalu, Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Hishamuddin Tun Hussein dilantik sebagai Timbalan Menteri Perusahaan Utama, manakala Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Datuk Fauzi Abdul Rahman sebagai Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Tiga setiausaha parlimen baru ialah Ahli Parlimen Pendang, Datuk Othman Abdul di Jabatan Perdana Menteri; Ahli Parlimen Jerantut, Ahmad Kamaruzzaman Mohamed di Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri serta Ahli Parlimen Parit, Ainon Khairiyah Datuk Mohd Abas di Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi.

Dr Mahathir turut ditanya mengenai usaha kerajaan membanteras rasuah. Dalam hubungan ini, beliau berkata, kerajaan mahu mengatasi masalah itu sejak peringkat awal sebelum ia menular sehingga tidak dapat dikawal.

"Lebih baik mengambil tindakan sekarang daripada ia sudah menular dalam masyarakat. Ia sukar dikawal apabila sudah menjadi sebahagian budaya kita.

"Namun kita mestilah adil dan jangan buat hukuman terhadap seseorang yang belum terbukti bersalah atau terbabit rasuah. Kita mesti adil terhadap semua pihak," katanya sambil menambah, media boleh memainkan fungsi penting dengan mengetengahkan isu berkaitan rasuah.

Mengenai langkah kerajaan untuk mengatasi masalah pendatang tanpa izin di Sabah, beliau berkata, apa yang perlu dilakukan ialah menggalakkan penduduk tempatan melakukan kerja yang dibuat oleh rakyat asing berkenaan.

(END)